

BAB KETIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bahagian ini akan membincangkan tentang reka bentuk , method dan prosedur digunakan dalam kajian ini yang merangkumi langkah pengumpulan data dan bagaimana kaedah penganalisaan data dilakukan ke atas data yang diperolehi untuk mencapai objektif kajian. Antara huraian yang terlibat ialah bentuk penyelidikan, bahan atau sumber data, kaedah atau cara mengumpul data, prosedur kajian, sampel kajian, dan penganalisaan data.

3.1 Reka Bentuk Penyelidikan

Pendekatan atau kaedah umum yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah melalui kajian kes. Kaedah ini adalah bertujuan untuk melahirkan satu deskripsi yang mendalam tentang nafkah isteri-isteri bekerja di daerah Kubang Pasu. Untuk mencapai objektif tersebut, maka kajian ini menggunakan pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Data yang dikumpul bukan sahaja dalam bentuk fakta malah juga berbentuk perasaan, persepsi dan nilai yang abstrak.²⁴⁰

Pembolehubah bersandar yang digunakan adalah ciri-ciri demografi isteri seperti umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pengalaman kerja, pendapatan, bilangan anak

²⁴⁰ Dr. Idris Awang (2001). *Kaedah Penyelidikan : Satu Sorotan*, APIUM, Intel Multimedia and Publication.

yang masih bersekolah, kenderaan, kediaman dan pembantu rumah. Pembolehubah bersandar ini dijangka akan mempunyai hubungan ke atas pembolehubah tidak bersandar iaitu tanggungjawab suami dan masalah nafkah.

Pembolehubah tentang tanggungjawab suami adalah terdiri daripada pengurusan kewangan keluarga dan faktor-faktor penglibatan isteri dalam kerjaya. Manakala pembolehubah masalah nafkah pula terdiri daripada masalah nafkah suami dan punca-punca yang membawa kepada krisis rumah tangga.

3.2 Kaedah Pengumpulan Dan Sumber Data

Pengumpulan data untuk kajian ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu data sekunder dan data primer. Peringkat pertama adalah pengumpulan data sekunder bertujuan untuk menjelaskan secara deskriptif tentang konsep nafkah menurut perspektif Islam . Seterusnya peringkat kedua pula ialah data yang diperolehi secara langsung dari keadaan yang dikaji melalui kaedah-kaedah lapangan seperti soal selidik dan observasi. Data yang diperolehi dalam bentuk dokumen bagi kedua-dua jenis data ini telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Secara khususnya penyelidik telah menggunakan beberapa metod dalam proses pengumpulan data dalam kajian ini iaitu;

A Penyelidikan Perpustakaan

Rujukan utama bagi kajian ini adalah bahan-bahan perpustakaan yang bertujuan untuk melihat konsep nafkah menurut perspektif Islam sebagai subjek kepada

kajian ini. Oleh itu, penyelidik telah memetik pandangan-pandangan daripada ulama'-ulama' muktabar dalam Islam berdasarkan buku yang dikarang oleh mereka. Selain itu, pandangan ulama'-ulama' semasa juga digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya, bahab-bahan perpustakaan adalah merupakan rujukan asas yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Antara dokumen-dokumen yang terlibat ialah buku yang berautoriti seperti kitab-kitab fiqh klasik empat mazhab, kitab-kitab Tafsir, Hadis dan kitab fiqh kontemporari, buku fatwa, jurnal, disertasi, makalah, kamus, kertas kerja seminar, majalah dan akhbar selain daripada al-Qur'an dan al-Hadis sendiri.

Dokumen-dokumen ini diperolehi melalui rujukan dan pinjaman yang dilakukan di perpustakaan-perpustakaan, antaranya ialah Perpustakaan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis ,Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH), Perpustakaan Kolej Matrikulasi Perlis dan Perpustakaan Awam Jitra Kedah.

B Penyelidikan Lapangan

Prosedur khusus atau instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah soalselidik. Untuk mendapatkan data melalui soalselidik, satu borang soalselidik telah disediakan. Borang soalselidik tersebut mengandungi 61 soalan yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ;

- i) Bahagian A, yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri demografi responden.

- ii) Bahagian B yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan tanggungjawab suami.
- iii) Bahagian C yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan masalah nafkah.

i. Ciri-ciri Demografi

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri demografi responden. Terdapat sebelas item yang digunakan untuk mengukur faktor demografi responden iaitu umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pengalaman kerja, pendapatan, tempoh berkahwin, bilangan anak, jumlah anak yang masih barsekolah, kediaman, dan pembantu rumah.

ii. Tanggungjawab Suami

Bahagian B mengandungi dua puluh empat soalan daripada dua faktor yang dipilih untuk dikaji pengaruhnya terhadap nafkah isteri. Faktor-faktor tersebut ialah ;

- a. Penglibatan Isteri Dalam Kerjaya.

Sebanyak empat belas (14) soalan telah dibentuk untuk mengetahui sama ada penglibatan isteri dalam kerjaya adalah disebabkan oleh masalah nafkah atau faktor-faktor lain.

b. Urusan Kewangan Keluarga.

Sebanyak sepuluh (10) soalan telah dibentuk untuk mengukur persepsi responden terhadap sejauh mana peranan yang dimainkan oleh suami sebagai ketua keluarga dari sudut pengurusan kewangan keluarga.

iii. Masalah Nafkah

Bahagian C mengandungi dua puluh enam (26) daripada dua faktor yang dipilih iaitu;

a. Masalah Nafkah Suami.

Terdapat sepuluh (10) soalan yang dibentuk dalam bahagian ini bagi mengenal pasti apakah faktor-faktor pengabaian suami terhadap nafkah isteri.

b. Faktor-faktor yang membawa kepada krisis rumah tangga.

Enam belas soalan (16) soalan telah dibentuk untuk mengukur persepsi responden tentang punca-punca yang membawa kepada krisis rumah tangga yang berlaku dalam masyarakat, apakah ianya berpuca dari masalah nafkah suami atau faktor-faktor lain.

Skala Respon /Pengukuran²⁴¹

Sebanyak dua jenis respon yang dikemukakan kepada responden bagi kedua-dua bahagian B dan C. Respon pertama berbentuk “sangat setuju”, “setuju”, “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”. Manakala respon yang kedua

²⁴¹ Mohd Shaffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, Edisi kedua, K.L : UKM, hal. 38 – 41.

berbentuk “selalu”, “biasanya”, “kadang kala”, “jarang-jarang” dan “tidak pernah”. Setiap pernyataan perlu dijawab mengikut Skala Likert seperti berikut:

5	-	Sangat Setuju	5	-	Selalu
4	-	Setuju	4	-	Biasanya
3	-	Tidak Pasti	3	-	Kadangkala
2	-	Tidak Setuju	2	-	Jarang-jarang
1	-	Sangat Tidak Setuju.	1	-	Tidak Pernah.

C Observasi

Kaedah observasi juga digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini. Observasi merujuk kepada proses pemilihan, provokasi, pengrekodan dan pemahaman terhadap tindak laku dan kedudukan organisma secara “in situ”. Menurut (*Sellitz, Wrightmann & Cook*),(1976) kaedah yang berlaku secara “in situ” ini adalah sesuai dengan matlamat kajian.

Bentuk observasi kajian ini berlaku dalam dua keadaan. Pertama penyelidik bertindak sebagai pemerhati dan kedua sebagai peserta sepenuhnya. Oleh itu, observasi berlaku di antara dua ekstrim ini kerana penyelidik bukan bertindak sebagai pemerhati sahaja, malah penyelidik sendiri adalah peserta kepada subjek kajian, walau bagaimanapun hasil kajian sama sekali tidak dipengaruhi oleh kehadiran penyelidik.

3.3 Prosedur Kajian

Borang soal selidik diedarkan kepada responden pada Julai 2003. Borang-borang ini diedarkan oleh penyelidik melalui wakil-wakil tertentu melalui serahan tangan bagi tempat-tempat yang ditetapkan. Soal selidik yang dibentuk penyelidik menyatakan terlebih dahulu kajian secara umum dan juga jaminan kerahsiannya.

Daripada 270 borang yang diedarkan, penyelidik berjaya mendapat kembali sebanyak 201 borang dalam jangkamasa seminggu dari tarikh borang diedarkan. Walau bagaimana pun empat daripada borang soalselidik adalah tidak lengkap dan akhirnya kajian ini terdiri daripada 197 orang responden sahaja.

3.4 Sampel Kajian

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada isteri-isteri bekerja di beberapa sektor kerajaan dan swasta di daerah Kubang Pasu. Mereka terdiri daripada latar belakang yang sama dari sudut agama iaitu Islam, tapi berbeza dari beberapa sudut seperti umur, taraf pendidikan, pendapatan, tanggungjawab, status pekerjaan dan lain-lain. Mereka yang terpilih sebagai subjek kajian ialah sebanyak 197 orang iaitu 154 orang daripada sektor kerajaan dan 43 orang daripada sektor swasta.

Jadual 3.1 : Taburan Responden Mengikut Sektor Pekerjaan.

Sektor	Bilangan	Peratus
Kerajaan	154	78.2 %
Swasta	43	21.8 %
Jumlah	197	100 %

3.5 Prosedur Analisis Data

Data-data yang diperolehi daripada kajian perpustakaan akan dianalisa dengan cara meneliti, menilai, menyusun serta membuat perbandingan antara semua data yang ada. Sekiranya berlaku *khilaf* antara fuqaha', maka pandangan yang *mu'tabar (jumhūr)* atau yang lebih *rājih* akan diambil kira. Selain daripada *al-Qur'ān dan Hadis-hadis Ṣahīh*, sumber-sumber lain seperti *Qiyās*, '*Uruf* dan *Ādat* dan Kaedah Fekah juga diberikan perhatian.

Manakala data-data yang diperolehi daripada kajian lapangan akan diproses dengan menggunakan program komputer dan perlaksanaan kaedah statistik (*Statistical Package For the Social Sciences –SPSS 10.0*). Dari perisian SPSS ini diperolehi kekerapan analisis seperti peratusan, sisihan piawai, min dan korelasi *Pearson*. Statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada statistik deskripsi dan frekuensi untuk menjelaskan fenomena yang dikaji dalam bentuk kekerapan, peratusan dan jadual bagi semua variable. Faktor yang mencatatkan skor min tertinggi dikatogerikan sebagai faktor yang paling kuat dalam mempengaruhi penglibatan isteri dalam kerjaya dan urusan kewangan keluarga (tanggung jawab suami terhadap nafkah). Selain itu, ujian korelasi *Pearson* digunakan untuk menguji 'Ho' sama ada terdapat perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar kepada pemboleh ubah bersandar.

Proses analisis data ini turut melibatkan kaedah-kaedah penelitian, penilaian, penyusunan, pengkategorian, perbandingan dan pemerhatian terhadap data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber, seterusnya mencari jawapan kepada

persoalan yang dikaji. Antara pendekatan yang digunakan dalam analisis ini termasuklah pendekatan induktif, deduktif dan sentesis .

Bahagian metodologi ini akan menentukan kesesuaian proses dan teknik yang digunakan agar objektif kajian akan tercapai. Oleh itu, prosedur dan kaedah analisis yang digunakan diharapkan adalah relevan dengan matlamat kajian.